

## KOSMO Online 28 June 2019

## Kosmo Online

## Hairul Azreen duta Sun Life Malaysia

MOHD. HAIKAL ISA 28 Jun 2019 3:16 PM



Hairul memperkasakan rakyat Malaysia untuk mencapai jaminan kewangan sepanjang hayat dan kehidupan yang lebih sihat.

KUALA LUMPUR - Pembekal insurans hayat dan takaful keluarga, Sun Life Malaysia Assurance Berhad dan Sun Life Malaysia Takaful Berhad (Sun Life Malaysia) mengumumkan pelantikan pelakon Hairul Azreen, sebagai duta jenama mereka untuk 2019/2020.

Mengulas mengenai pengumuman itu, Ketua Pegawai Eksekutif dan Presiden/Country Head Sun Life Malaysia, Raymond Lew, berkata, pihaknya gembira menyambut kedatangan Hairul untuk bersama sebagai Duta Jenama Sun Life Malaysia.

"Dengan karisma Hairul yang bersesuaian dengan syarikat, kami yakin dapat membantu rakyat Malaysia mencapai jaminan kewangan seumur hidup serta mempunyai kehidupan yang lebih sihat.

"Kami tidak sabar untuk bekerja dengannya kerana kami yakin dapat memberi kesan positif kepada rakyat Malaysia ke arah kehidupan yang sihat dari segi kewangan, fizikal dan mental," kata Raymond dalam satu kenyataan.

Dalam pada itu, Hairul juga teruja untuk menyertai keluarga Sun Life Malaysia.